



# Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2010



**KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA (KPTN) - 'JOM MASUK U' TAHUN 2010** merupakan Program Outreach tahunan Kementerian Pengajian Tinggi yang telah dilaksanakan semenjak Tahun 2005 berdasarkan maklum balas positif yang diterima dari kaunselor, pendidik, pelajar, ibu bapa, masyarakat umum dan *stake holders* lain. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Mulai tahun 2010 KPTN akan menjadi "*signature programme*" Kementerian Pengajian Tinggi.



KPT telah menggunakan *tagline* "**JOM MASUK U**" bagi mendidik dan memotivasikan para pemohon untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia.

- 2.1 Objektif program adalah menjadi Pusat Sehenti (*One Stop Centre*) bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi akreditasi dan pembiayaan bagi Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf;
- 2.2 Program ini juga ingin mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian;
- 2.3 Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan Kemasukan ke IPTA yang menggunakan pakai 90 % markah akademik dan 10 % markah kokurikulum;
- 2.4 Menerangkan kaedah permorkahan kokurikulum berasaskan sekolah yang diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi permohonan Kemasukan ke IPTA ; dan
- 2.5 Mempromosi serta menyebarkan maklumat mengenai program pengajian baru yang ditawarkan oleh IPTA dan institusi lain mulai sesi akademik 2010/2011.

## **KUMPULAN SASARAN**

- a) Pelajar SPM/STPM/Diploma/Matrikulasi/STAM sedang belajar
  - Lulusan SPM/STPM/STAM/Diploma dan lain-lain
  - Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS), Kaunselor, guru, ibu bapa dan masyarakat setempat.
- b) Sasaran kehadiran ke pameran pendidikan 150, 000 hingga 200, 000 pengunjung.

## **AKTIVITI YANG DIANJURKAN DALAM KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI NEGARA – 'JOM MASUK U' TAHUN 2010 :**

- Ceramah dan forum yang interaktif berfokus kepada kumpulan sasaran oleh IPTA, Bahagian/ Agensi KPT/ KPM seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Bahagian Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (BMKPM), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT);
- Pameran Pendidikan " JOM MASUK U"
- Cabutan bertuah "JOM MASUK U" kepada pengunjung;
- Cabutan Perdana "JOM MASUK U" kepada pengunjung
- Pengagihan brosur program pengajian yang ditawarkan oleh IPTA, IPTS, Politeknik, Kolej komuniti dan pelbagai agensi lain; serta Khidmat Bimbingan dan Kaunseling

## **PAMERAN PENDIDIKAN**

Program ini akan disertai bersama oleh 20 IPTA, Bahagian/Agensi di KPT seperti Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar Jabatan Pengajian Tinggi (BPKP JPT), Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), IPTS serta Agensi/Bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti Bahagian Sekolah, Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Bahagian Matrikulasi KPM, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) KPM, Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Negeri (MGBK), Jabatan Tenaga Manusia Kementerian Sumber Manusia (JTM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Kementerian Belia dan Sukan serta lain-lain agensi dan penaja yang terlibat dengan pendidikan tinggi.

## FORUM

Penceramah yang mempunyai kepakaran mengikut bidang tertentu akan dikenal pasti untuk dijemput memberi ceramah. Jabatan Pelajaran Negeri, Kolej Matrikulasi KPM/Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM), Asasi UiTM, Politeknik dan Kolej Komuniti akan menentukan senarai Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK), kaunselor termasuk GBK dari Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) sekolah, Wakil Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Rendah serta Wakil Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) berdasarkan formula yang ditetapkan oleh BPKP Jabatan Pengajian Tinggi.

\* Catatan : Maklumat ini tertakluk kepada pindaan

# Karnival PENGAJIAN TINGGI NEGARA 2010

MASUK PERCUMA

Jom Masuk U

ZON	TARIKH/MASA	NEGERI	LOKASI
SATU	09-10 JAN 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	Johor	PERSADA Johor Bahru, Johor
DUA	16-17 JAN 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	W.P KL, Putrajaya, Selangor	Stadium Melawati Shah Alam, Selangor
TIGA	30-31 JAN 2010 8.30 pg - 5.00 ptg	Sabah	One Borneo, Kota Kinabalu, Sabah
EMPAT	06-07 FEB 2010 9.00 pg - 5.00 ptg	Melaka, Negeri Sembilan	Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan
LIMA	20-21 FEB 2010 8.30 pg - 5.00 ptg	Sarawak	Permata Exhibition Centre, Kuching, Sarawak
ENAM	27-28 FEB 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	P. Pinang, Perak Utara, Kedah Selatan	Dewan Millenium, Seberang Prai, P.Pinang
TUJUH	06-07 MAC 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	Kedah, Perlis	Dewan Wawasan, Jitra, Kedah
LAPAN	13-14 MAC 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	Kelantan, Terengganu	Kelantan Trade Centre Kota Bharu, Kelantan
SEMBILAN	20-21 MAC 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	Pahang, Terengganu	Dewan Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang
SEPULUH	27-28 MAC 2010 9.00 pg - 6.00 ptg	Perak, Kedah Selatan, Seberang Perai, Pulau Pinang	Stadium Indra Mulia, Ipoh, Perak

## Malaysia : Pendidikan Untuk Semua

**Aktiviti Menarik**

- \* Pameran Pendidikan
- \* Informasi Kemasukan
- \* Kuiz Jom Masuk 'U'
- \* Forum

- \* Cabutan Perdana/ Bertuah
- \* Khidmat Bimbingan & Kaunseling IPT, Agensi Kerajaan, Tajaan & Pembiaya, Bank dll.
- \* Permohonan Aplikasi Dalam Talian

Anjuran:

Dengan Kerjasama:

**Maklumat Lanjut Sila Hubungi:**

BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Ara 1, Blok E9, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62505 Putrajaya  
Tel: 03-8883 580/5802 Faks: 03-8889 4260  
emel: upu@mohe.gov.my laman web: upu.mohe.gov.my